

Sarah buru catatan baharu 4.10 meter

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
BADLISHAH

ATLET lompat bergalah kebangsaan, Nor Sarah Adi yakin mampu mencatat rekod peribadi terbaik (PB) iaitu 4.10 meter (m) pada kejohanan yang bakal disertainya nanti.

Sarah, 22, ketika ini berada pada prestasi terbaik selepas berjaya naik podium dalam

**NOR
SARAH
ADI**



empat kejohanan antarabangsa sejak memenangi pingat emas Sukan SEA Hanoi 2021 di Vietnam pada Mei lalu.

Atlet dari Maran, Pahang itu cuba perbaiki catatan peribadi terbaik, 4.00m, namun gagal melepasi had ketinggian 4.10m sewaktu menyertai Kejohanan Lompat Bergalah Antarabangsa Busan 2022 minggu lalu.

“Saya hanya sabar sebab tidak ada rezeki nak buat PB tetapi saya tahu kemampuan diri sendiri. Saya akan bangkit lebih kuat selepas ini.

“Walaupun stres, tetapi secara keseluruhan saya sangat gembira dengan pencapaian ini,” kata Sarah sejurus memenangi pingat perak Kejohanan Lompat Bergalah Antarabangsa Busan 2022.

Sarah memulakan kalendar antarabangsa 2022 penuh bergaya apabila memenangi pingat emas Sukan SEA Hanoi 2021 dengan rekod peribadi 4.00m.

Dia menaiki podium tempat kedua di Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022 di Ubon Ratchathani, Thailand menerusi catatan 3.70m bulan lalu.

Penuntut Universiti Putra Malaysia itu memperbaiki prestasinya apabila melepasi ketinggian 3.90m untuk meraih gangsa pada Sukan Perpaduan Islam 2022 di Konya, Turki awal bulan ini.

Kini Sarah berpeluang untuk cuba mencipta rekod peribadi baharu apabila dijadualkan menghadapi Sukan Malaysia (Sukma) 2022 di Kuala Lumpur bermula 16 September depan.